

**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**BERKAITAN**  
**GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN (KREDIT KOMUNITI)**  
**(Dikemaskini pada 6.09.2021)**

BIL.	PERKARA
1.	<p>Siapakah yang boleh memohon untuk menjalankan urusniaga pinjaman wang dalam talian?</p> <p><b>Syarikat Kredit Komuniti yang telah memiliki Lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) sedia ada dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan masih dalam tempoh sah lebih 90 hari.</b></p>
2.	<p>Apakah dokumen yang perlu dikemukakan di dalam Kertas Kerja?</p> <p><b>Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li><b>a. Surat iringan (<i>cover letter</i>) permohonan Syarikat:</b><ul style="list-style-type: none"><li>➤ Tiada template contoh- syarikat dikehendaki menggunakan template sendiri; dan</li><li>➤ Menyertakan nama wakil syarikat yang boleh dihubungi dan emel pegawai tersebut.</li></ul></li><li><b>b. Salinan Lesen Pemberi Pinjam Wang KPkt;</b></li><li><b>c. Garis panduan boleh dimuat turun di dalam laman web KPkt – ruangan Pautan- Klik Muat Turun Borang BKKK- Klik Pemberi Pinjam Wang- Klik Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian;</b></li><li><b>d. Mengemukakan pelan praktikal cadangan laman/ sistem aplikasi/ <i>customers' journey</i> termasuk aplikasi teknologi yang digunakan; dan</b></li><li><b>e. Mengemukakan sijil keselamatan sistem</b><ul style="list-style-type: none"><li>➤ Boleh melantik pihak ketiga yang berdaftar dengan agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).</li></ul></li><li><b>f. Salinan pendaftaran dengan Malaysia <i>Network Information</i></b></li></ul>

BIL.	PERKARA
	<b>Center (MYNIC) Berhad (Sekiranya diluluskan Surat Kelulusan Bersyarat).</b>
3.	Bagaimana permohonan boleh dibuat? <b>Pemegang Lesen PPW sedia ada boleh menghantar permohonan melalui pos atau serahan di Kaunter Aras 1, KPKT.</b>
4.	Di mana maklumat permohonan boleh diperolehi? <b>Maklumat permohonan boleh diperolehi melalui laman web KPKT – ruangan Pautan- Klik Muat Turun Borang BKKK- Klik Pemberi Pinjam Wang- Klik Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian.</b>
5.	Bagaimana proses kelulusan permohonan dilaksanakan? <b>Setiap permohonan akan disemak dan akan dinilai melalui satu Jawatankuasa dalaman yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penilaian Urusniaga Pemberi Pinjaman Wang Dalam Talian (JPPPW) sebelum diangkat untuk kelulusan Pendaftar PPW. Proses permohonan ini akan mengambil masa 3 – 6 bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima dan dibentangkan sehingga kelulusan diberikan oleh Pendaftar.</b>  <b>Urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian BUKAN merupakan lesen baharu atau lesen berasingan ke atas lesen pemberi pinjam wang KPKT sedia ada. Sebaliknya sekiranya permohonan tersebut diluluskan oleh Pendaftar, ia merupakan syarat tambahan atau kebenaran menjalankan perniagaan pemberian pinjam wang dalam talian ke atas lesen sedia ada.</b>
6.	Bagaimanakah urusniaga ini dilaksanakan? <b>Urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian boleh dilaksanakan sama ada menerusi laman web syarikat yang berdaftar atau menerusi aplikasi mobil yang dibangunkan syarikat atau kedua-duanya.</b>

BIL.	PERKARA
	<b>Urusniaga yang dijalankan ini perlu mematuhi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan dibaca bersekali dengan beberapa Akta lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan yang dibangunkan.</b>
7.	Bagaimanakah untuk mengetahui status permohonan?
	<b>Pihak KPKT akan mengemukakan satu surat kelulusan pemberitahuan kepada pemohon.</b>
8.	Bilakah urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian boleh dipohon?
	<p>a. Permohonan hanya dibuka kepada Pemegang Lesen PPW sedia ada dan perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (Kredit Komuniti) serta mengemukakan dokumen lengkap seperti di perenggan 2; dan</p> <p>b. <b>Memandangkan KPKT menerima permohonan yang tinggi, permohonan yang diterima selepas dari tarikh 6 September 2021 akan diproses bermula Januari 2022.</b></p>
9.	Adakah calon peminjam bagi urusniaga pinjaman wang dalam talian ini terbuka kepada sesiapa sahaja atau khusus kepada golongan tertentu? Contohnya terhad kepada warganegara Malaysia sahaja?
	<b>Adalah dinasihatkan supaya pinjaman hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dan pemastautin tetap sahaja serta beberapa had pinjaman yang ditetapkan oleh syarikat. (Contohnya satu peminjam had pinjaman hanyalah RM10,000.00 sahaja untuk satu borang perjanjian pemberian pinjaman).</b>

BIL.	PERKARA
10.	Adakah terdapat bayaran tambahan dikenakan untuk mendapatkan lesen urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian (Kredit Komuniti)?  <b>Tiada caj atau bayaran tambahan yang dikenakan untuk permohonan urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian melainkan bayaran / fi yang ditetapkan oleh Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 untuk permohonan lesen baharu PPW (konvensional) / pembaharuan lesen PPW (konvensional) / Permit Iklan baharu/ pembaharuan permit iklan.</b>
11.	Adakah terdapat sebarang surat atau lesen lain yang akan dikeluarkan oleh KPKT khusus untuk jenis perniagaan ini?  <b>Ya. Surat dan lesen baharu dengan pindaan syarat lesen asal dengan kebenaran KPKT untuk menjalankan urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian akan dikeluarkan dan perlu dipamerkan di premis yang dilesenkan.</b>
12.	Bagaimanakah pemantauan dijalankan terhadap urusniaga yang dijalankan dalam talian?  <b>KPKT dengan kerjasama pegawai kader Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di KPKT akan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Selain itu, bantuan atau kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi &amp; Multimedia akan sentiasa dijalankan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.</b>
13	Adakah contoh Kertas Kerja khusus yang syarikat perlu guna?  <b>Tiada, memandangkan syarikat mempunyai keupayaan yang berbeza. Kertas kerja yang dihantar adalah perlu mematuhi Garis Panduan dan menyatakan cadangan syarikat terhadap perkara yang dinyatakan di dalam Garis Panduan tersebut.</b>

BIL.	PERKARA
	<p><b>Antara contoh pengisian berdasarkan yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Profail syarikat</li> <li>b. Keperluan teknologi <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Pembangunan Sistem</b> Nyatakan apa pembangunan sistem syarikat</li> <li>- <b>Rangkaian, Pusat Data dan Sistem</b> Nyatakan usaha dan pelan syarikat dalam pembangunan rangkaian, Pusat Data dan Sistem.</li> <li>- <b>Perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam garis panduan atau nilai tambah (<i>value added</i>) lain yang syarikat ingin nyatakan.</b></li> </ul> </li> </ul>
<b>SENARAI PERKARA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH SYARIKAT KK</b>	
14.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melakukan urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian <b>TANPA kelulusan KPKT;</b></li> <li>b. Tidak mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan dalam Akta 400;</li> <li>c. Tidak mempamerkan lesen PPW yang dikeluarkan KPKT;</li> <li>d. Memohon deposit awal sebelum pinjaman dikeluarkan;</li> <li>e. Mengenakan caj faedah yang tinggi selain yang dibenarkan oleh Akta 400; dan</li> <li>f. Tidak memberi kerjasama kepada pihak penguatkuasa seperti PDRM dan PBT semasa melakukan pemeriksaan ke atas premis.</li> <li>g. Dan lain-lain perkara yang melanggar arahan dan ketetapan bertulis oleh Pendaftar PPW.</li> </ul>